

05 JUL 1996

MAHATHIR LANCAR PROJEK JB WATERFRONT CITY BERHARGA RM6 BILION

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek bandar yang terbesar di atas laut berharga RM6 bilion yang dikenali sebagai JB Waterfront City.

Beliau telah memulakan penanaman cerucuk ke dasar laut untuk menandakan permulaan projek tersebut, projek itu dijangka akan mengubah Johor Baharu menjadi sebuah pusat kewangan bertaraf dunia apabila ia siap sepenuhnya kelak.

Setakat ini ia telah berupaya menarik pelaburan asing dan tempatan yang melebihi RM250 juta.

Di samping mengubah rupa bentuk bandar Johor Baharu, yang juga menjadi pintu masuk ke Malaysia dari selatan, JB Waterfront City akan melengkapi pusat perniagaan yang sedia ada dan ia dijangka akan menjadi penggerak kepada pertumbuhan pesat sektor komersil, kewangan, peruncitan dan pelancongan.

Projek tersebut dengan kawasan seluas 118 ekar mengandungi 41 blok bangunan komersil, perumahan dan hotel yang mempunyai lebih 1,500 bilik, lima menara pejabat setinggi 30 hingga 40 tingkat dan pusat konvensyen dengan 5,000 tempat duduk.

Projek itu dibangunkan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Pilecon Group.

Pengerusi Eksekutif Pilecon Group, Hong Lee Pee, yang bercakap di upacara itu menyatakan kejayaan JB Waterfront City tidak hanya kerana usaha Pilecon tetapi juga sokongan kuat dan kerjasama banyak pihak termasuklah kerajaan negeri Johor. -- BERNAMA

DAB RIF/sia